

26 FEB 1998

AGONG HADIR MESYUARAT KE-178 MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini berangkat hadir ke mesyuarat ke-178 Majlis Raja-raja di Istana Negara dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sultan Kelantan mempengerusikan mesyuarat majlis itu, menurut kenyataan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia.

Kesemua raja dan Yang di-Pertua Negeri berangkat hadir kecuali Sultan Selangor yang diwakili oleh Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Sultan Johor diwakili oleh Tunku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar.

Kenyataan itu berkata perkara-perkara berkenaan dasar negara, pelantikan, agama dan lain-lain telah dibincangkan pada mesyuarat itu. --
BERNAMA

AFY NMO